



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives



KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

46 USAHAWAN SABAH LONJAK PRESTASI PERNIAGAAN MELALUI PROGRAM IBC DAN BEP

KOTA KINABALU, 21 September 2020 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensi dibawahnya iaitu Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) telah menganjurkan Majlis Penyerahan Sijil Peserta Program *INSKEN Business Coaching & Business Enhancement Programme 2020* bertempat di Kota Kinabalu, Sabah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

INSKEN Business Coaching & Business Enhancement Programme 2020 merupakan program pembangunan usahawan bagi meningkatkan skala perniagaan mengikut industri yang berkaitan. Ia bertujuan memberikan panduan kepada usahawan tempatan untuk mengembang dan melonjakkan prestasi perniagaan. Selain itu, usahawan juga dapat mempelajari dan menguasai teknik menguruskan perniagaan dengan berkesan.

Program yang telah berjaya memasuki tahun keempat penganjuran oleh INSKEN telah berjaya menghimpunkan sebanyak 46 usahawan dari negeri Sabah. Peserta program yang menerima sijil terbahagi kepada 18 usahawan yang telah menjalani latihan *INSKEN Business Coaching (IBC)* “one-to-one” secara komprehensif selama empat (4) bulan bermula Januari 2020 hingga Ogos 2020, dan sebanyak 28 usahawan dari *Business Enhancement Programme (BEP)* yang dijalankan dari September 2019 hingga Januari 2020.

Kedua-dua program ini telah berjaya mencapai KPI yang ditetapkan apabila 61% daripada peserta IBC Cafe Restaurant Sabah 2020 dan 74% daripada peserta BEP tahun 2019 dapat meningkatkan hasil jualan perniagaan masing-masing di antara 20% hingga melebihi 100% dan seterusnya 12 peluang pekerjaan baru dicipta dalam tempoh empat (4) bulan program tersebut dijalankan.

Pada tahun 2019, Program BEP adalah hasil kolaborasi INSKEN bersama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang dijalankan di negeri Sabah bagi membimbing usahawan dari pelbagai industri manakala Program IBC pula diadakan khusus untuk usahawan *Café & Restaurant*.

Antara pengisian program IBC dan BEP adalah Sesi Bersama *Industry Coach*, Sesi Pementoran (*one-to-one* dan *group coaching*), Sesi *Business Improvement*, INSKEN *Business Training* dan *Benchmark Visit*. Mentor bagi program-program ini adalah merupakan pakar dalam industri masing-masing dan juga Biskaunselor INSKEN.

Maklumat lanjut mengenai program-program IBC dan BEP serta pendaftaran program boleh diperolehi melalui laman web rasmi INSKEN di www.insken.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
21 SEPTEMBER 2020